



# Opera, seni teater alat nasionalisme generasi muda

Dari Nottingham, England  
suria3979@gmail.com

**M**INGGU pertama tahun baru ini membuatkan minda saya berlegar-legar mengimbas terlalu banyak suka duka dan kenangan bukan hanya sepanjang 2008, malah juga tahun-tahun sebelumnya. Ketika ini saya teringat saat-saat membantu seorang rakan yang menyiapkan tugasannya dalam bidang seni bina dalaman khusus mengenai bangunan utama dunia, Sydney Opera House atau Rumah Opera Sydney, di Australia.

Memori juga pantas mengimbas kenangan ketika melawat monumen hebat ini lebih 10 tahun lalu. Sehingga hari ini, monumen dengan ketinggian 183 meter panjang dan 120 meter lebar yang merangkumi 1.8 hektar tanah itu, adalah salah satu daripada pusat persembahan seni paling sibuk di dunia, yang setiap tahun mementaskan sehingga 2,500 persembahan dan menarik sehingga empat juta pengunjung.

Hakikatnya, Sydney Opera House pada saya kelihatan jauh lebih indah binaannya berbanding dalam gambar. Sebaik manapun kualiti kertas buku yang mengandungi gambar monumen ini, tidak ada yang dapat menghampiri realiti. Mungkin benar apa yang pernah dikatakan Louis Kahn, seorang arkitek terkenal dunia mengenai rumah opera ini iaitu 'Matahari tidak akan tahu secantik mana cahayanya sehingga ia terpantul ke bangunan ini.'

Walaupun dari jauh atau dalam gambar, bangunan ini kelihatan berwarna putih, sebenarnya bumbungnya dibina daripada 1,056,006 marmar berkilat berwarna putih dan krim buatan Sweden. Marmar yang bersifat 'bersih sendiri' ini bersinar apabila disinari matahari, menjadikan monumen ciptaan Jorn Utzon ini rumah opera paling terkenal di dunia.

Penampilannya yang seolah-olah berbentuk limau yang dipotong-potong membawa kepada bentuk telur yang mencipta ruang optimum untuk persembahan opera, balet dan teater di dalamnya. Sydney Opera House menjadi contoh seni bina zaman moden yang membawa bidang seni bina dan kejuruteraan ke satu paradigma baru.

Seni binanya membuka lembaran baru terhadap pengetahuan geometri yang kompleks dalam seni bina moden. Seni binanya adalah salah satu contoh penggunaan analisis komputer yang digunakan untuk mereka bentuk kompleks. Seni bina ini juga adalah yang pertama di dunia menggunakan 'araldite' iaitu sejenis pelekat yang kuat untuk melekatkan elemen struktural sebelum dipasang pada struktur sebenar dan membuktikan konsep ini boleh diguna pakai pada masa akan datang.

Namun, proses pembinaan monumen ini tidak pernah sunyi daripada pelbagai kontroversi. Utzon dikatakan seorang arkitek yang amat baik pada zamannya, tetapi pada masa sama dikatakan sebagai tidak praktikal, tidak memikirkan soal bajet dan masa serta tidak fleksibel dari segi seni bina yang dicadangkannya.

Kesannya, pembinaan Sydney Opera House menjadi jauh lebih lambat dan mahal berbanding perancangan asalnya. Rasional saya membawa pembaca meneroka Sydney Opera House yang jauh berada di hemisfera selatan dunia ini semata-mata untuk menarik perbincangan lanjut terhadap perkembangan opera di Eropah serta menyentuh secara ringkas mengenai seni teater di Malaysia.

Baru-baru ini, saya mendengar siaran radio BBC4 yang membincangkan mengenai opera di Eropah yang digunakan sebagai salah satu alat memupuk nasionalisme di Itali yang pada saya bukan hanya dapat menongkat survival seni itu sendiri, malah juga membawa mesej penting dalam bentuk yang mengujakan.

Namun, opera pastinya agak asing kepada kita masyarakat Timur. Opera sebenarnya salah satu bentuk seni yang memerlukan penyanyi dan pemuzik yang terbabit mempersembahkan karya dramatik yang digelar 'opera' selain turut dikombinasikan dengan teks

dipanggil 'libretto' dan skor muzikal.

Dari segi sejarahnya, opera adalah salah satu tradisi muzik klasik di Barat yang menggabungkan elemen seperti lakonan, kostum, tarian serta nyanyian. Persembahan opera inilah yang dipersembahkan di satu tempat khas yang dipanggil 'rumah opera'.

Selain Sydney Opera House, rumah opera lain yang terkenal di dunia ialah Teatro alla Scala di Milan, Itali. Ia dibina pada tahun 1778 dan terus menjadi salah satu tarikan utama kepada penggiat opera dan teater di dunia sehingga hari ini. Di England, opera hanya mula berkembang pada kurun ke-17 berbanding perkembangannya yang sudah matang di Eropah, bermula seawal tahun 1600 di Itali.

Sehingga hari ini, opera dipentaskan bukan hanya untuk tujuan maklumat dan hiburan, sebaliknya juga sebagai salah satu bentuk 'nasionalisme muzikal' yang dihargai khalayaknya. Amat menarik sebenarnya apabila kita membincangkan mengenai sokongan yang diberikan kepada seni opera ini terutama di negara Eropah berbanding perkembangan teater di Malaysia misalnya.

Teater yang juga satu cabang seni yang sangat indah dan halus nampaknya kurang dihargai kebanyakan khalayaknya sendiri. Seni teater yang seolah-olah seperti 'hidup segan mati tak mahu' di Malaysia hanya hidup ketika musim tertentu seperti pertandingan teater peringkat kebangsaan atau pertandingan seumpamanya.

Malah, apabila menyebut 'teater' ia seolah-olah satu kegiatan 'luar biasa' yang hanya sesetengah orang saja yang akan membabitkan diri. Natijahnya, hanya orang tertentu juga yang akan pergi menontonnya. Hal ini mungkin disebabkan kita masih belum dapat menerima dan menghargai teater sebagai salah satu cabang seni bernilai tinggi serta memerlukan ketajaman kreativiti yang tidak sedikit untuk merealisasikan satu-satu pementasan yang berkaitan.

Saya sendiri mendapat serba sedikit pendedahan dunia teater hanya beberapa tahun kebelakangan ini, antaranya ketika membantu pihak universiti menyelaras kegiatan kokurikulum pelajar khusus dalam bidang seni.


Dalam fikiran saya, alangkah baiknya jika teater juga dapat dijadikan sebagai salah satu platform penting untuk kita berkongsi mesej nasionalisme sebagaimana darjat yang diangkat terhadap seni opera di Eropah. Ulasan Mark Ravenhill dalam akhbar *The Guardian* baru-baru ini menyuarakan bahawa mesej nasionalisme tidak perlulah hanya membentuk seni yang bosan saja.

Malah, beliau mengangkat teater berbentuk drama sebagai salah satu cabang seni yang jika dipentaskan dengan kreatif, mampu memberi impak hebat dalam menyuarakan mesej nasionalisme. Mungkin sudah tiba masanya untuk kita membuka minda kepada perkara 'baru' dalam hidup kita.

Sungguhpun teater sudah lama bertapak di Malaysia, ia seolah-olah masih muda usianya kepada kebanyakan kita. Sayang sekali jika bentuk seni ini tidak mampu mengesankan jiwa dibandingkan dengan impak sebenar hanya kerana kurangnya kefahaman dan penghayatan di kalangan khalayaknya sendiri.

Juga agak menyedihkan, hanya segelintir individu bersungguh-sungguh memajukannya dengan sumber amat terhad. Harapan kita, semoga generasi muda kita diberikan peluang lebih luas untuk mengenali seni ini demi survivalnya di bumi Malaysia, menyambung kerja-kerja sedia ada dengan lebih sokongan dan harapan. Semoga 2009 menjanjikan yang lebih baik kepada industri teater Malaysia.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), kini melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom



SYDNEY Opera House tersergam indah dengan ketinggian 183 meter dan 120 meter lebar di kawasan seluas 1.8 hektar adalah pusat persembahan seni paling sibuk di dunia.